



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**PEMBANTU JURURAWAT (M.4-5 EB.6)  
OUTWARD BOUND BRUNEI DARUSSALAM  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

#### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**1. PEMBANTU JURURAWAT  
OUTWARD BOUND BRUNEI DARUSSALAM  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN  
M.4-5 EB.6 (\$930 - \$1,850 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = DUA (02)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) Sijil Pembantu Jururawat atau kelulusan sebanding dan bersesuaian.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Pusat Perubatan dan Kesihatan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) selama tidak kurang dari 10 tahun.

Mempunyai persijilan dalam bidang Kejururawatan adalah kelebihan.

2. Mempunyai kebolehan dan pengalaman berikut adalah kelebihan:

- i) Berkebolehan berenang tanpa menggunakan pelampung / jaket keselamatan di kolam renang sejauh 200 meter.  
ii) Berkebolehan mengajar asas pertolongan kecemasan.

3. Keutamaan akan diberikan kepada calon **LELAKI**.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Bertanggungjawab terus kepada Pegawai Jururawat *Outward Bound Brunei Darussalam*;
2. Melaksanakan pelbagai tugas kejururawatan di pusat *Outward Bound Brunei Darussalam* selaras dengan tatacara perawatan dan dasar kejururawatan yang ditetapkan;
3. Membantu dalam menyediakan penjagaan yang selesa dan memberikan perawatan yang betul kepada para pesakit di pusat *Outward Bound Brunei Darussalam*;



4. Menyediakan Perlindungan Perubatan (*Medical Cover*) bagi para peserta / pengguna pusat *Outward Bound Brunei Darussalam* mengikut keperluan dari semasa ke semasa;
5. Membantu dalam menjaga, mengawas dan menggunakan pelbagai peralatan / perkakas perubatan di pusat *Outward Bound Brunei Darussalam*;
6. Membantu dalam menjaga, mengawas dan menggunakan pelbagai ubat-ubatan farmasi di pusat *Outward Bound Brunei Darussalam*;
7. Membantu dalam penjagaan kekemasan dan kebersihan pusat perubatan *Outward Bound Brunei Darussalam*;
8. Mengungkayahkan serta melaksanakan sebarang operasi Mencari dan Menyelamat (*Search and Rescue*) dan Pemindahan Pesakit (*Casualty Evacuation*) sepetimana yang diarahkan oleh Pegawai Jururawat *Outward Bound Brunei Darussalam*;
9. Membantu dalam membuat catatan / laporan bagi sebarang kejadian kecederaan atau kemalangan di pusat *Outward Bound Brunei Darussalam*;
10. Membantu dalam menjalankan *Medical Screening* bagi para peserta / pengguna di pusat *Outward Bound Brunei Darussalam*; dan
11. Menjalankan tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa di keempat-empat daerah.